



## **MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD**

**YANG DIPERTUA MPSP**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN  
PUSAT SUMBER ALAM SEKITAR  
PERKAMPUNGAN VALDOR**

**17 SEPTEMBER 2017 (AHAD)**

**4.00 PETANG**

**BERTEMPAT DI PUSAT SUMBER ALAM SEKITAR  
PERKAMPUNGAN VALDOR**

**JALAN 6**

**SEBERANG PERAI SELATAN**

*Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa*

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Dato' Law Choo Kiang,**  
Yang Dipertua Dewan undangan Negeri Pulau Pinang,  
Merangkap ADUN Kawasan Bukit Tambun

**Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmud**  
Setiausaha Perbandaran  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua – Ketua Jabatan dan Pegawai**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Rakan - rakan Media**

**Tuan - Tuan Dan Puan - Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

.....

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinnya dapat kita bersama pada hari ini di dalam Majlis Perasmian Pusat Sumber Alam Sekitar Perkampungan Valdor.

Sebelum itu izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Law Choo Kiang kerana sudi melapangkan masa hadir ke majlis ini.

Terima kasih dan syabas diucapkan kepada JKKK Perkampungan Valdor yang telah berjaya menyediakan satu bangsal untuk tujuan pengumpulan barang kitar semula. Saya memuji langkah yang diambil oleh penduduk Perkampungan Valdor untuk menjadikan kitar semula sebagai satu amalan. Saya difahamkan hasil kutipan jualan barang kitar semula disalurkan untuk tujuan kebajikan dan sebahagiannya untuk tabung PIBG sekolah.

**Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

Saya mewakili MPSP amat berbesar hati sekiranya banyak lagi kawasan perkampungan mahupun taman-taman perumahan di Seberang Perai mengambil inisiatif mewujudkan pusat sumber alam sekitar dan juga pengumpulan sisa organik. Usaha ini dapat membantu MPSP dalam mengurangkan kos pengurusan sampah yang mana pada tahun 2016 sahaja berjumlah RM8,766,971.90 bagi 434,008.51 tan sampah yang dihasilkan di seluruh Seberang Perai dan dihantar ke Tapak Pelupusan Pulau Burong. Dengan adanya kesedaran tentang kos pelupusan sampah yang tinggi, adalah diharapkan para penduduk Seberang Perai bersama-sama membantu MPSP mengurangkan kos dengan bekerjasama mengitar semula sampah menjadi suatu bahan yang boleh digunakan semula. Wang yang kita dapat jimatkan tersebut boleh digunakan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan lain bagi penduduk Seberang Perai

Sehingga ini terdapat 63 Pusat Kitar Semula di Seberang Perai:-

- a) Seberang Perai Utara – 19 Pusat Kitar Semula;
- b) Seberang Perai Tengah – 33 Pusat Kitar Semula; dan
- c) Seberang Perai Selatan – 11 Pusat Kitar Semula).

Dengan adanya pusat-pusat kitar semula di kawasan-kawasan perkampungan dan perumahan berserta program-program pendidikan kesedaran kepada komuniti tentang mengitar semula sampah, secara langsung dapat mendidik masyarakat untuk menjadikan kitar semula sebagai satu amalan harian. Bermula dari tempat kerja hingga ke dalam institusi kekeluargaan maka pengembelangan kedua-dua institusi ini pasti dapat menjadikan Seberang Perai dan sekaligus Pulau Pinang sebuah negeri yang mengamalkan kitar semula dengan jayanya.

Pihak MPSP akan sentiasa bersama-sama tuan-tuan dan akan memberikan perkhidmatan yang sebaiknya. Kerjasama komuniti amat penting kerana ia dapat membantu Majlis dalam aspek menjaga kebersihan. Saya amat mengalu-alukan kerjasama daripada semua komuniti di SPU, SPT dan SPS.

Jika warga Seberang Perai dapat mengamalkan kitar semula, ianya akan menjadi satu tunjang utama dalam penjagaan alam sekitar yang lebih lestari dan hijau. Perkara ini sahaja mampu merealisasikan impian menjadikan Seberang Perai sebagai bandar raya rendah karbon pada tahun 2022.

Pada tahun 2016 kadar kitar semula bagi keseluruhan Seberang Perai adalah 42.60% yang mana telah berjaya ditingkatkan dari 39.64% pada tahun 2015. Kadar kitar semula ini, adalah beratan kitar semula dari pelbagai agensi seperti pusat kitar semula di kawasan perkampungan dan perumahan, kilang, NGO dan juga sekolah-sekolah di seluruh Seberang Perai.

MPSP mensasarkan untuk menjadi Bandar Rendah Karbon pada tahun 2022. Oleh itu, kadar kitar semula perlu dipertingkatkan dari 42% pada tahun 2016 ke 70% pada tahun 2022. Angka ini adalah satu sasaran yang tinggi dan hanya boleh dicapai sekiranya MPSP dan seluruh penduduk Seberang Perai bersama-sama berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapainya.

Impian untuk menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah bandar raya rendah karbon menjelang tahun 2022 hanya mampu direalisasikan dengan mengamalkan 8R seperti dalam *MPSP Smart Consumption Model* (Model MPSP berhubung Penggunaan Bijak) iaitu:-

1. *Rethink (Be mindful of your consumption, your relationship with ‘things’ and your relationship with the Earth)*
2. *Refuse (Don’t consume what you don’t need to)*

3. *Reduce (Reduce consumption of energy and materials)*
4. *Re-use (Share with others. Find new uses for old objects)*
5. *Repair (Fix or upgrade your objects rather than throwing them away)*
6. *Re-gift (Share, and be a part of the gift company)*
7. *Recover (Energy and materials recovery. And **UPCYCLE**)*
8. *Recycle (Close the loop and remake)*

**Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

MPSP sedang merangka Pembentukan **Pelan Strategik 2018-2022.** Dalam pembentukan pelan strategik, MPSP melibatkan *stakeholders* dalam menentukan 10 Fokus Area yang akan dijadikan *strategic priorities* melalui kajian soal selidik. Borang kaji selidik ini bertujuan untuk mendapatkan input serta pandangan daripada *stakeholders* mengenai Seberang Perai yang mereka inginkan pada tahun 2022. MPSP akan menumpukan 10 *strategic priorities* yang menjadi fokus utama dalam mengerakkan Pelan Strategik MPSP 2018-2022. Borang kaji sellidik ini akan digunakan dalam mendapatkan input melalui *online survey*, edaran soal selidik kepada pejabat-pejabat YB, Ahli-ahli Majlis, warga Seberang Perai dan *outreach programmes*.

Borang kaji selidik secara *online survey* telah dipaparkan di laman web MPSP [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my) pada 30 Ogos 2017 untuk tempoh dua (2) tahun. *Stakeholders* boleh mengisi borang kaji selidik secara online melalui [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my) dengan klik pada borang “Kaji Selidik Kehendak Pelanggan terhadap Pembentukan Pelan Strategik MPSP 2018-2022”. Pengguna dikehendaki mengisi semua ruangan yang telah disediakan dan memilih 10 *strategic priorities* yang perlu diberi keutamaan oleh MPSP. Setelah selesai mengisi 10 *strategic priorities*, pengguna disyorkan mengemukakan cadangan berkenaan **Pernyataan Misi Seberang Perai Tahun 2022.**

Sekali lagi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada penduduk Perkampungan Valdor terutamanya JKKK Perkampungan Valdor dalam usaha membantu MPSP untuk menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih dan cantik serta mempunyai penduduk yang sihat sejajar dengan moto MPSP iaitu “*Sustainability is Our Commitment*”.

Akhir sekali, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada YB Dato' Law Choo Kiang, Ahli Majlis MPSP dan penduduk-penduduk yang berada di pusat ini yang memberikan komitmen penuh dalam program kitar semula.

Dengan ini, saya sudahi dengan *Wabillahi Taufik Wal Hidayah*,  
*Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

Sekian, terima kasih.